

Universiti perlu dana baiki infrastruktur mesra OKU di kampus, kata Ras Adiba

SERDANG: Senator Datuk Ras Adiba Radzi akan membawa ke perhatian kerajaan cadangan untuk memperuntukkan dana bagi membaik pulih dan menyediakan infrastruktur pelajar Orang Kurang Upaya (OKU) di institusi pendidikan awam dan swasta.

Presiden OKU Sentral itu yang merupakan Senator mewakili golongan OKU berkata, dana tersebut perlu agar kemudahan sedia ada dapat dibaik pulih untuk kegunaan golongan itu.

“Ia sekali gus meyakinkan pelajar OKU untuk melanjutkan pendidikan mereka tanpa rasa tersisih dari-

pada pelajar biasa,” katanya kepada Bernama selepas melawat Universiti Putra Malaysia (UPM) di sini semalam, yang merupakan lawatan sulungnya dalam siri Jelajah Universiti yang akan diteruskan selepas ini.

Ras Adiba yang juga Pengerusi Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama), dibawa ke beberapa lokasi dalam kampus untuk meninjau kemudahan yang disediakan pihak universiti kepada mahasiswa OKU.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Prof Dr Arifin Abdu berkata, UPM kini mempunyai 53 mahasiswa

OKU termasuk dua pelajar antarabangsa dan lima staf OKU termasuk seorang pensyarah.

Beliau berkata, UPM sentiasa berusaha memperkasa pengurusan hal ehwal pelajar dan alumni tanpa mengira kategori pelajar termasuk penyertaan pelajar OKU dalam bidang akademik mahupun kokurikulum.

Menurutnya, Unit Perkhidmatan dan Sokongan OKU yang ditubuhkan pada 2019 membantu UPM untuk menambah baik kemudahan dan memudahkan pergerakan pelajar OKU dalam kampus, contohnya khidmat pengangkutan pergi

balik setiap kali mereka perlu hadir kuliah.

Sementara itu, seorang pelajar OKU fizikal (kerdil) Mas Nur Jannah Maskop, 22, berkata sebelum memasuki UPM, pihak universiti ada menghubunginya untuk mengetahui jenis ketidakupayaan bagi tujuan sokongan yang diperlukan mahasiswa itu.

“Alhamdulillah, saya yakin dan tidak gentar untuk belajar di sini kerana kemudahan disediakan. Saya juga diberikan asrama aras bawah untuk memudahkan pergerakan saya,” kata pelajar tahun dua jurusan Komunikasi itu. — Bernama



PANTAU KEPERLUAN: Ras Adiba dibawa ke beberapa lokasi dalam kampus Universiti Putra Malaysia (UPM) untuk meninjau kemudahan yang disediakan pihak universiti itu kepada mahasiswa OKU. — Gambar Bernama